

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1991/92

Mac/April 1992

FEL 304 Dadah dan Masyarakat

Masa: (2 jam)

---

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. (A) Dependens fizikal dianggap lebih penting daripada dependens psikik dalam menghasilkan ketagihan.

Bincangkan pernyataan tersebut di atas dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.

(7 markah)

- (B) Beri satu contoh dadah yang khususnya menghasilkan dependens psikik dan terangkan status penagihan dadah tersebut di dalam dan luar negeri.

(6 markah)

- (C) Berasaskan definisi dan teori dependens, nyatakan mengapa ketagihan terhadap sesuatu kelas dadah tidak dapat diganti dengan kelas yang lain. Nyatakan juga keadaan-keadaan tertentu apabila pernyataan ini tidak benar.

(7 markah)

- (D) Senaraikan ciri-ciri penagih yang terlibat dengan

- (i) gam
- (ii) rokok
- (iii) ubat penenang

(5 markah)

2. (A) Sebutkan salah satu jenis dadah yang luas disalahgunakan di negara ini.

Bagi dadah tersebut, bincangkan

- (a) kesan-kesan farmakologinya
- (b) sindrom withdrawal yang dialami oleh pengguna
- (c) corak dan taburan penagihan di negara ini
- (d) masalah sosial dan kesihatan yang berkaitan dengannya
- (e) undang-undang tempatan yang berkaitan dengannya

(20 markah)

- (B) Bincangkan cara rawatan yang boleh digunakan bagi penagih-penagih di atas.

(5 markah)

3. (A) Tulis nota ringkas tentang

- (i) 'flashback' yang dialami oleh penagih-penagih LSD.
- (ii) psikosis amfetamin.
- (iii) metadon sebagai pengganti morfin.
- (iv) faedah kanabis dalam perubatan.

(12 markah)

(B) Corak penggunaan perangsang-perangsang kokain dan amfetamin berbeza sekali daripada dadah-dadah lain. Bincangkan perbezaan ini serta nyatakan bahaya yang bersabit dengan corak sedemikian.

(8 markah)

(C) Terangkan peranan budaya dalam membentuk persepsi masyarakat terhadap masalah dan kegiatan bersabit dengan dadah.

(5 markah)

4. (A) Terangkan modaliti-modaliti rawatan dan pemulihan yang terdapat di negara ini.

(10 markah)

(B) Bagaimanakah modaliti ini berbeza daripada:

- (i) komuniti terapeutik Barat
- (ii) kaedah Naikan dan Danshukai di Jepun
- (iii) kaedah SARDA di Hongkong

(6 markah)

- (C) Pengendalian rawatan penagihan dan aktiviti epidemiologi perlukan keselarasan di seluruh dunia. Terangkan mengapa dan bagaimana badan-badan antarabangsa memainkan peranan di rantau ini.

(9 markah)

5. Anda dilantik sebagai pengetua kampung dan tugas anda adalah untuk menjaga kesejahteraan penduduk di kawasan tersebut. Anda juga telah digesa memainkan peranan besar dalam mencegah penyalahgunaan dadah di kalangan anak-anak muda di situ.

Bincangkan strategi anda untuk

- (a) menjalankan aktiviti pencegahan sekiranya penduduk-penduduk tidak termaklum langsung tentang dadah.
- (b) mengendalikan sebahagian besar remaja yang telahpun terlibat dengan dadah.
- (c) mengemaskinikan maklumat penyalahgunaan di kampung tersebut
- (d) bersedia mengatasi gejala-gejala sosial yang mungkin timbul.

(25 markah)